

# Perebutan kuasa goyahkan Keadilan

Oleh Jamhariah Jaafar

BH - 3 JUL 2000

AKHIRNYA terbongkar rahsia mengenai siapa sebenarnya yang mengetuai Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan ternyata pelantikan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai presidennya semata-mata sebagai gimik dan mainan politik sege-lintir pemimpin tertinggi parti itu sedangkan hakikat sebenarnya ialah beliau sekadar boneka yang tidak mempunyai apa-apa kuasa.

Walaupun dipanggil 'si katak lompat', Marina Yusoff memang dikenali sebagai wanitaantang, tegas pendirian dan tidak gentar untuk meluahkan perasaan tidak puas hatinya kepada sesiapa pun.

Justeru, pendedahan Marina mengenai kepincangan yang berlaku dalam parti yang kononnya memperjuangkan keadilan perlu dipandang serius oleh semua ahlinya kerana beliau tidak akan membuat tuduhan sebarang kecuali jika benar-benar sudah tidak tahan dengan keadaan yang berlaku.

Marina, 60, terkenal dengan kelantangan dan mencetus pelbagai kontroversi sepanjang menyertai gelanggang politik Umno sejak 1962. Beliau ke-

✓ **Pendedahan Marina mengenai kepincangan yang berlaku dalam parti yang kononnya memperjuangkan keadilan perlu dipandang serius oleh semua ahlinya kerana beliau tidak akan membuat tuduhan sebarang kecuali jika benar-benar sudah tidak tahan dengan keadaan yang berlaku.**

✓ **Ternyata Keadilan bukan parti adil yang diagung-agungkan oleh golongan refotmasi, sebaliknya sama seperti parti politik lain yang turut terbabit dalam perebutan kuasa yang boleh membutakan mata dan hati mereka yang gila kuasa.**

kan saja tidak menghormati Wan Azizah sebagai Presiden parti tetapi sikap angkuhnya dan 'kuat mengarah' adalah antara punca kemelut yang melanda parti itu sekarang.

memperlekehkan beliau di depan kami, malahan melempar fail ke mukanya. Anda tidak memuliakan dan memberi penghormatan yang sepatutnya kepada beliau," katanya dalam

jam dengan tidak ada sebarang perkara dapat diputuskan manakala pandangan orang lain turut tidak diterima.

Marina berkata, tamparan paling hebat diterima apabila Dr Chandra bekerja keras untuk menyingkirkannya dari puncak pimpinan, termasuk cuba mengenakan tindakan disiplin ke atasnya selepas pilihan raya umum lalu. Beliau cuba bertahan selepas dipujuk pemimpin Keadilan lain tetapi keadaan menjadi semakin buruk yang memaksanya membuat keputusan muktamad.

"Saya tidak mahu diperbodohkan seperti budak sekolah," katanya kepada sebuah akhbar baru-baru ini.

Dr Mahathir yang memang sejak dulu dikritik oleh Dr Chandra, mendedahkan pemimpin Keadilan itu mempunyai hasrat tertentu untuk dilaksanakan di negara ini.

"Dia memang daripada dulu pun nak kemahuannya (dilaksanakan) ke atas seluruh negara. Jadi, kita buat semua tak kena, nak kena turut dia. Kalau tidak ikut dia, kita jadi salah. Sekarang ini dia berpeluang menunjuk kebolehannya dalam

ia adalah 'sulit' sementara ahli jawatankuasa Pas, DAP dan PRM tahu apa yang berlaku. Sedangkan kami (Keadilan) pula hanya mendapat sedikit maklumat di sana-sini daripada ahli parti yang lain. Anda enggan membenarkan jawatankuasa saya memberi sebarang nasihat kepada anda atau memberi sebarang maklum balas kepada masalah yang berlaku di akar umbi.

"Walaupun adalah salah un-

mudian menyertai kumpulan serpihan Umno yang membentuk parti Semangat 46 pada 1990 sebelum mengumumkan peletakan semua jawatan, termasuk naib presiden part-i itu, pada 1991.

Beliau kemudian kembali kepada Umno pada 1993 tetapi keluar semula pada 1998 kerana tidak bersetuju dengan tindakan Umno memecat bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Marina menyertai Keadilan dan menjawat jawatan naib presiden tetapi tewas dalam pilihan raya umum lalu bagi kerusi Parlimen Wangsa Maju.

Kali ini, Marina sekali lagi dengan tegas mendedahkan kepincangan yang berlaku dalam Keadilan dan menuding jari ke arah Timbalan Presidennya, Dr Chandra Muzaffar, yang dicadangkannya sendiri untuk menjawat jawatan itu ketika penubuhan Keadilan dua tahun lalu.

Dalam suratnya kepada Dr Chandra yang tersebar kepada media massa, Marina meluahkan perasaan tidak puas hati dengan kepemimpinan Dr Chandra yang dianggapnya bu-

Lebih parah lagi, katanya, beberapa tindakan melampau Dr Chandra juga hampir menyebabkan Ketua Pemuda, Ezam Mohd Nor, meletak jawatan tetapi membatalkan niat itu selepas dipujuk oleh Tian Chua.

Marina yang mengaku beliau menulis sendiri surat itu, turut menyatakan bahawa masa depan Keadilan adalah gelap sekiranya Dr Chandra yang digelarinya one *man show*, dibenarkan terus menguasai parti berkenaan.

Mengimbau kembali cerita lama, Marina dalam suratnya mengingatkan Dr Chandra, beliau yang membawa timbalan presiden Keadilan itu bertemu Tengku Razaleigh Hamzah ketika dalam S46, serta menjadi orang yang bertanggungjawab mencadangkan Dr Chandra untuk jawatan tertinggi dalam Keadilan.

“Ketika itu saya benar-benar menghormati anda dan dengan ikhlas berpendapat anda akan menjadi aset kepada parti. Tetapi sekarang selepas Wan Azizah mempunyai pegangan lebih baik dan mampu untuk mula memimpin, anda tidak menunjukkan perasaan hormat,

surat berkenaan.

Antara insiden terburuk, kata Marina, ialah ketika hari terakhir pencalonan dalam pilihan raya umum lalu, apabila tindakan melampau Dr Chandra menyebabkan Wan Azizah “menjerit, menangis dan menggigil teruk”.

“Ia membuat kami turut menangis melihat anda boleh menjadi begitu kejam kepada seseorang yang memerlukan sokongan dan simpati kita,” katanya.

Marina yang kecewa dengan sikap Dr Chandra yang cuba menjadikan beliau sebagai ‘kambing hitam’ berikutan kekalahan Keadilan dalam pilihan raya umum lalu, turut membidas Dr Chandra kerana campurtangan dalam pelbagai perkara, termasuk pada peringkat jawatankuasa yang tidak dianggotainya.

“Sebagai pengerusi jawatankuasa pilihan raya yang dilantik Datuk Seri Anwar Ibrahim, anda menyekat saya daripada melaksanakan tugas dengan segala cara yang boleh. Anda adalah satu-satunya orang dalam kumpulan perunding yang tidak memberi sebarang maklum balas dengan mengatakan

tuk anda berlaku demikian, saya tidak membantah dan terus menunjuk rasa hormat kepada anda sebagai timbalan presiden. Di bawah kepemimpinan anda, Keadilan tidak akan ke mana-mana,” katanya.

Marina, walaupun bertegas bukan beliau yang menyebarkan surat berkenaan, mengakui menulis surat bertarikh 13 Januari kepada Dr Chandra itu.

Beliau turut membandingkan kepemimpinan Chandra dengan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan berkata ketika menjadi ahli Majlis Tertinggi Umno, Perdana Menteri menghormati pandangannya dan sering memberi beliau platform untuk bercakap serta menerima pendapatnya sekiranya beliau berasa ia adalah adil.

Sebaliknya, Dr Chandra langsung tidak menghormati pandangan orang lain. Malah, sebagai ahli politik veteran, beliau dihalang daripada melakukan tugas, termasuk mengeluarkan kenyataan akhbar.

Katanya, majlis tertinggi Keadilan yang dipengerusikan oleh Dr Chandra akan berlangsung selama antara lapan hingga 10

parti Keadilan dan kita nampak jelas dia suka kepada cara kuku besi, diktator. Dia tuduh orang lain diktator, tetapi dia yang diktator. Siapa yang menentang dia, kenalah,” kata Perdana Menteri baru-baru ini.

Jelas, Dr Chandra ternyata silap dalam memilih lawannya kali ini. Marina bukan orang yang akan duduk diam apabila ditekan. Tetapi apa yang lebih penting ialah imej dan kewibawaan parti Keadilan itu sendiri akhirnya dipertikaikan dengan kehadiran pemimpin seperti Dr Chandra dan Marina.

Ternyata Keadilan bukan sebuah parti adil yang diagung-agungkan oleh golongan reformasi, sebaliknya sama seperti parti politik lain yang turut terbabit dalam perebutan kuasa yang boleh membutakan mata dan hati mereka yang gila kuasa.

Perjuangan mereka untuk kononnya mendapatkan keadilan dalam semua aspek kehidupan di negara ini ternyata satu gimik yang memuahkan. Yang menjadi mangsa ialah ahli-ahlinya yang nyata terpedaya dengan perjuangan yang terbukti seperti ‘cakap tak serupa bikin’.